



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

MESYUARAT *THE FIFTEENTH CONFERENCE OF THE PARTIES TO THE CONVENTION ON BIOLOGICAL DIVERSITY* 7 HINGGA 19 DISEMBER 2022

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim selaku *national focal point* kepada *Convention on Biological Diversity (CBD)* sedang mengetuai delegasi negara di *The Fifteenth Conference of the Parties to the CBD (CBD COP15)* bermula pada 7 Disember hingga 19 Disember 2022 di Montreal, Kanada. Delegasi negara terdiri daripada 24 orang ahli yang melibatkan pegawai daripada Kementerian/Jabatan/ Agensi yang berkaitan di peringkat Persekutuan dan Negeri.

CBD merupakan sebuah *multilateral environmental agreement (MEA)* yang dianggotai oleh 196 negara ahli dan mempunyai 3 matlamat utama iaitu konservasi biodiversiti, penggunaan komponennya secara mampan, dan perkongsian faedah daripada sumber genetik secara adil dan saksama. COP diadakan setiap 2 tahun untuk merundingkan dokumen dasar dan teknikal berhubung biodiversiti di peringkat antarabangsa. COP15 adalah sangat penting kerana ia akan memuktamadkan Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti bagi menggantikan Sasaran Biodiversiti Aichi.

Antara agenda utama yang melibatkan kepentingan negara ialah *Post-2020 Global Biodiversity Framework (Post-2020 GBF)*, kawasan perlindungan, biologi sintetik, *digital sequence information (DSI)*, biodiversiti marin, spesies asing invasif (IAS) dan mobilisasi sumber.

Sebagai salah sebuah negara *megadiverse*, Malaysia menegaskan bahawa pelaksanaan Post-2020 GBF perlu mengambil kira kepentingan dan keadaan semasa negara. Di samping itu, pelaksanaan Post-2020 GBF mesti disokong oleh dokumen panduan serta bantuan teknikal dan kewangan yang mencukupi daripada Sekretariat CBD dan negara-negara maju yang lain. Hasil rundingan CBD akan diterjemahkan dalam kerangka pengurusan biodiversiti negara melalui Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK).

YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

14 DISEMBER 2022